

SIARAN MEDIA

EMBARGO sehingga 31 Julai 2019, 5.00 petang

PKS Mencatatkan Sumbangan Lebih Tinggi kepada KDNK Keseluruhan pada Tahun 2018

Kuala Lumpur, 31 Julai 2019 – Keseluruhan prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berada di landasan yang betul ke arah mencapai sasaran 41% kepada KDNK pada tahun 2020 sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) baru-baru ini. PKS mencatatkan peningkatan dari segi sumbangan kepada KDNK pada tahun 2018 sebanyak 38.3% iaitu sejumlah RM521.7 bilion berbanding 37.8% (RM491.2 bilion) pada tahun 2017. Berdasarkan pada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini, PKS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2% pada tahun 2018 (2017: 7.1%), meningkat berbanding purata pertumbuhan jangka panjang sebanyak 6.0% (2001 - 2017). Pertumbuhan KDNK PKS juga terus mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan iaitu sebanyak 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.7%). Dari segi sumbangan mengikut sektor, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama dengan gabungan sumbangan sebanyak 82.4% pada tahun 2018.

Nilai ditambah PKS dalam sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh iaitu sebanyak 8.1% pada tahun 2018 (2017: 7.2%), kadar tertinggi sejak tahun 2014. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan kerana perbelanjaan pengguna bertambah baik khususnya dalam tempoh tiga bulan (1 Jun - 31 Ogos 2018) berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax, GST*) pada kadar sifar. Pertumbuhan nilai ditambah PKS yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan juga disokong oleh subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang meningkat sebanyak 7.6% (2017: 7.4%), serta subsektor pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi yang berkembang sebanyak 6.9% (2017: 6.8%). Bagi sektor pembuatan, nilai ditambah PKS berkembang sebanyak 5.5% (2017: 6.8%), dipacu oleh produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Dari segi eksport, PKS menunjukkan daya tahan yang kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.4% pada tahun 2018 (2017: 7.2%), walaupun pertumbuhan syarikat besar perlahan dengan ketara sebanyak 3.6% pada tahun 2018 (2017: 17.0%). Dari segi nilai, eksport PKS meningkat kepada RM171.9 bilion pada tahun 2018 daripada RM166.2 bilion pada tahun 2017, manakala sumbangan kepada eksport keseluruhan kekal pada 17.3% (2017: 17.3%). Momentum pertumbuhan eksport disokong oleh PKS dalam sektor pembuatan, terutamanya dalam barangan pembuatan dan produk kimia. Eksport PKS akan diberi tumpuan khusus dalam DKN 2030 dan strategi khas akan dibangunkan untuk memperkukuh kapasiti dan keupayaan eksport PKS.

Justeru, lapan langkah telah dikenal pasti oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan April 2019 bagi meningkatkan lagi sumbangan PKS kepada ekonomi, iaitu (i) memperhebatkan pendigitalan, kesalinghubungan dan keselamatan siber dalam kalangan PKS; (ii) meningkatkan integrasi PKS dalam rantai bekalan; (iii) menyokong lebih banyak PKS yang berpertumbuhan tinggi dengan menawarkan insentif yang bersesuaian; (iv) meningkatkan tahap kesediaan dan daya saing PKS untuk menerapkan model perniagaan & teknologi yang disruptif dan inovatif (*innovative-disruptive-compelling*); (v) memudahkan akses kepada mekanisme pembiayaan alternatif; (vi) memaparkan dan mempromosikan industri eksklusif 'permata tersembunyi' atau '*hidden gems*'; (vii) mempromosikan eksport gerbang pembayaran tempatan dan teknologi kewangan (*fintech*) oleh PKS Malaysia; dan (viii) meningkatkan penyertaan PKS dalam industri pelancongan. Langkah-langkah ini akan menjadi rangsangan tambahan bagi membantu mencapai sasaran PKS baharu di bawah DKN 2030, iaitu 50% kepada KDNK keseluruhan dan 30% kepada jumlah eksport menjelang tahun 2030.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Nur Suhada Ahad (03-27756264) atau emel nursuhada@smecorp.gov.my atau Cik Alida Adam (03-27756292) atau emel alida@smecorp.gov.my.